

SEORANG PEKERJA DIKHUATIRI TERTIMBUS DALAM RUNTUHAN BATU KUARI



Seorang mangsa diberikan rawatan awal oleh anggota bomba selepas terlibat dalam kejadian runtuhan batu kuari di Keramai Pulau, Simpang Pulau di Ipoh hari ini.

IPOH: Seorang lelaki dikhuatiri terperangkap dalam kejadian runtuhan batu kuari di Keramat Pulau, Simpang Pulau di sini hari ini. Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Perak berkata, pihaknya menerima maklumat kejadian itu pada pukul 9.40 pagi. Katanya, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Simpang Pulau digerakkan ke lokasi kejadian bagi menjalankan operasi menyelamatkan. "Setibanya anggota di lokasi kejadian, pengurus kuari memaklumkan terdapat empat mangsa namun dua daripada mereka berjaya menyelamatkan diri manakala seorang cedera parah dan seorang lagi dilaporkan hilang. "Pasukan Khas Operasi, Taktikal dan Penyelamat Malaysia (STORM) dipanggil untuk membantu operasi mencari mangsa yang dikhuatiri tertimbus batu kuari," katanya di sini hari ini.

UTUSAN/IHSAN JBPM PERAK